



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
[OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)]
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 12, BLOK E7, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

No. Tel : 03-8883 2544
No. Fax : 03-8889 5601

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (2) dlm. KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld.5
Tarikh : 23 April 2012

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Jabatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1. Blok E 3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Puan,



TRK CAG
→ kpp
Pemakanan
[Signature]

KRITERIA BARU BAGI PELAKSANAAN HOSPITAL RAKAN BAYI, HIV AND INFANT FEEDING

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas, serta surat puan no ruj: (62) dlm KKM/62/BPKK (N)/NP3-Bhg13 bertarikh 5 April 2012 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia masih menggunakan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 5/2002 bagi pengurusan bayi yang dilahirkan oleh ibu HIV positif, iaitu;

Polisi

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan HIV/AIDS Bil.1/2001 yang telah diadakan pada 17 Julai 2001 telah memutuskan agar bayi-bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang HIV positif tidak disusukan dengan susu ibu. Ini adalah untuk mengelakkan risiko jangkitan melalui penyusuan ibu, dengan mengambil kira tahap kebersihan yang tinggi di negara ini. Sehubungan dengan itu, susu formula bayi hendaklah dibekalkan kepada bayi-bayi ini semasa di hospital. Bayi-bayi daripada keluarga yang tidak berkemampuan hendaklah dibekalkan dengan susu formula bayi oleh hospital-hospital yang berkenaan sekurang-kurangnya

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)
(Please quote our reference number while replying)


sehingga mereka berumur enam bulan. Keluarga yang tidak berkemampuan adalah yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM 1,200.00 sebulan. Bagi yang mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM 1,200.00 sebulan, pertimbangan hendaklah dibuat mengikut budi bicara Pengarah Hospital.

3. Untuk makluman puan, Garis Panduan yang dikeluarkan oleh WHO iaitu *Guidelines on HIV and Infant Feeding 2010 Principles and Recommendations for Infant Feeding in the Context of HIV and Summary of Evidence* yang menggariskan 9 key principles dan 7 evidence-based recommendations adalah merupakan garis panduan rujukan. Walaubagaimanapun bagi Malaysia mencapai matlamat "Zero Vertical Transmission" maka Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 1/2002 hendaklah patuhi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
- Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia